


# ALHAMDULILLAH PPIM TERUS MENCIPTA KEJAYAAN

PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA




# Tentang Kami

**Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)** ditubuhkan bagi membela & memperjuangkan hak pengguna yang sering ditindas & dizalimi. Terlalu banyak kemungkaran, penganiayaan, penipuan & penindasan yang berlaku terhadap pengguna tanpa pembelaan sewajarnya.

PPIM melihat ini adalah sebuah perjuangan dan tanggungjawab yang harus dipikul. Berpegang teguh pada hadis riwayat Bukhari & Muslim “Barang siapa yang melapangkan kesulitan seorang muslim, nescaya Allah akan melapangkan kesulitannya di hari kiamat”. Hadis ini menjadi pemangkin dan semangat kepada PPIM untuk terus berani memperjuangkan hak pengguna yang tertindas.




## VISI

Menjadi badan peneraju utama dalam memastikan kepentingan ummah dan pengguna terbela tanpa mengira bangsa dan agama.

## MISI

Menjadi suara dan pembela dalam memperjuangkan hak pengguna yang sering ditindas dan dizalimi melalui usaha bantuan serta program kesedaran dan didikan.



# Dana Pembinaan Bangunan PPIM Yang Baru Diperlukan

Impian PPIM adalah untuk memiliki bangunan operasi baru yang lebih selesa. Lakaran pembinaan bangunan tersebut telah pun dibuat, namun PPIM sebagai sebuah NGO yang bukan berasaskan keuntungan memerlukan sumbangan dana sebanyak RM5 juta untuk tujuan pembinaan bangunan tersebut. Sokonglah perjuangan PPIM dengan memberikan sumbangan untuk pembinaan bangunan ini.

**Untuk memberikan sumbangan, boleh merujuk terus kepada;**

**019-6655544 (Cikgu Izham Nayan)**





# 320+ JUTA

# TOTAL REACH

## Sosial Media PPIM 2021

Usaha dalam memberi kesedaran dan didikan kepada pengguna melalui media sosial PPIM agar lebih peka mengenai hak dan isu semasa.



# Engagements

Facebook PPIM berpotensi mencapai secara purata lebih dari 15 juta 'engagements' dalam sebulan.







**1,019,777+**
followers

**263,000+**
followers

**204,000+**
followers

**34,026+**
followers

**62,600+**
followers

# FACEBOOK VIDEO

**4.4M** Views




"Tolonglah, Ini Sahaja Yang Saya Mampu" •••

3 years ago · 4.4M Views

42K

**3.4M** Views



BODOH SOMBONG - PENIAGA CEKIK DARAH

47 weeks ago · 3.4M Views

28K

**2.5M** Views



Suami Bodoh Isteri Jadi Mangsa •••

a year ago · 2.5M Views

11K

**2.2M** Views




AHLONG MENGGANAS! BAKAR RUMAH &... •••

3 years ago · 2.2M Views

15K

**11.3M** Views




Sebesar Mana Nilai Seringgit Bagi Anda?

8 weeks ago · 11.3M Views

You and 70K others

**7.1M** Views



Ejen Penarik Kereta ke Samseng? Hati-hati ye! - Klik ➡️

18 weeks ago · 7.1M Views

43K

**3.8M** Views




7 Kisah Tragis Mangsa Ahlong- Dari Fail PPIM •••

2 years ago · 3.8M Views

37K

**3.2M** Views




Kebodohan Nafsu Raja Sehari •••

a year ago · 3.2M Views

21K

# YOUTUBE VIDEO

**5.6M** Views




"Besar Sangat Ke Kau Punya Gangster?" - Yusuf Azmi

5.6M views • 4 years ago




Toqqi Mengamuk Samseng Jalanan Tunjuk Belang!...

5.3M views • 3 years ago

**5.3M** Views

**2.0M** Views




"Kau Sanggup Nak Bela Anak Orang Macam Ni?"

2M views • 2 years ago




7 Kisah Tragis Mangsa Ahlong - Dari Fail PPIM

1.6M views • 3 years ago

**1.6M** Views

**2.7M** Views




Kebodohan Nafsu Raja Sehari

2.7M views • 2 years ago




[Wajib Tonton] Ahlong Naik Angin!

2.1M views • 3 years ago

**2.1M** Views

**1.6M** Views




Abg Ali Kongsi Pengalaman Di Tembak Dahulu!

1.6M views • 3 years ago




"Tolonglah Kakak Ummi.."

1.5M views • 2 years ago

**1.5M** Views

# POSTER REACH




2,527,896 People reached | 198,396 Engagements | Boost Unavailable

9.6K | 526 Comments 26,321 shares

**2,527,896**




2,443,817 People reached | 293,598 Engagements | – Distribution score | Boost Unavailable

33K | 2.1K comments 17K shares

**2,443,817**




2,164,134 People reached | 367,602 Engagements | Boost Unavailable

32K | 2.5K Comments 16,346 shares

**2,164,134**




1,983,601 People reached | 320,083 Engagements | Boost Unavailable

Adam Bin Yakob, Didi and 50K others | 7.6K Comments 6,159 shares

**1,983,601**

# POSTER REACH




2,420,690 People reached | 219,734 Engagements | Boost Unavailable

7.2K | 3.9K Comments 1,792 shares

**2,420,690**




2,277,982 People reached | 69,976 Engagements | Boost Unavailable

2.6K | 579 Comments 3,393 shares

**1,983,601**




1,542,514 People reached | 152,804 Engagements | +21.0x higher Distribution score | Boost Unavailable

7.6K | 5.5K comments 2.5K shares

**1,542,514**




1,395,365 People reached | 160,546 Engagements | Boost Unavailable

5.8K | 497 Comments 9,736 shares

**1,395,365**




# Lebih 15,000 Kes Ahlong Berjaya Dikendalikan

PPIM berpengalaman selama 10 tahun dalam menguruskan lebih 50,000 kes ahlong dan berjaya menyelesaikan lebih 15,000 kes dengan jumlah pemotongan bunga yang melibatkan nilai lebih RM200 juta.

**BERURUSAN LEBIH**
**50,000**
**AHLONG**

**LEBIH**
**15,000**
**KES BERJAYA DIKENDALIKAN**

**BERPENGALAMAN LEBIH DARI**
**10 TAHUN**

**JUMLAH KESELURUHAN PEMOTONGAN BUNGA LEBIH**
**RM200 JUTA**
**DISELESAIKAN**



# Pinjam Ahlong **RM50,000,** Ahlong Tuntut **RM1 Juta**

Seorang wanita yang pada asalnya cuma ingin meminjam sebanyak RM50,000 tetapi akhirnya terpaksa menanggung hutang sehingga RM1 juta! Bukan hanya diugut, ahlong tersebut juga telah mengikat mangsa dengan kontrak selama 75 tahun.

Sekiranya mangsa gagal melunaskan bayaran tersebut, anak mangsa akan menanggung hutang tersebut hingga hutang tersebut selesai.

Bagi memastikan mangsa tidak boleh melarikan diri, ahlong tersebut telah merampas passport dan surat beranak milik mangsa dan anak mangsa.



Harian Metro

SUSULAN HUTANG 75 TAHUN

DATUK BAIK HAT

■ Pemilik syarikat pinjaman wang mohon maaf kepada peminjam

SALMAH menerima wang ganti rugi di pejabat PPIM, semalam.

nanggung hutang dibuat ibunya dikenali sebagai Salmah, 56, sejak 2011 antara siri penipuan syarikat pemberi pinjaman wang yang menjerat mangsa melalui peraturan tidak masuk

RM6,000, dua beranak itu menanggung tuntutan RM1 juta selama tempoh perjanjian 75 tahun ditetapkan syarikat terbabit.

Sementara itu, Salmah berkata, dia berterima kasih

terkejut dengan bantuan tidak disangka-sangka diterimanya.

SUSULAN KPI CETI HARAM

HUTANG 75 TAHU

LAPORAN Harian Metro, 7 Ogos lalu.



Harian Metro

METRO AHAD METRO AHAD

NADZIM JOHAN

**'ALONG SANGGUP BERI RM60,000 SEBULAN SUPAYA KITA JANGAN BUAT KERJA'**

mana-mana, maka menjadi undang-undang kita, kita mesti bayar apa yang kita makan. Kita tidak akan makan duit daripada sesiapa atau kumpulan yang kita berurusan. Tapi itu kita boleh bagi jaminan, kita tak makan duit atau apa saja yang mungkin. Jadi itu saya rasa amat jelas.

tidak mahu buat kerja. Bila orang susah, siapa nak bantu. Kalau kita tumpangkan orang naik kereta, orang kata adalah tu. Kita bantu, orang kata nak sesuatu.

Apa yang kita buat itu berkepentingan, mesti berhasrat kepada sesuatu, memang payahlah.

benarnya, kalau diikutkan orang yang pinjam pada along tak payah bayar sebab along adalah kegiatan haram, tak ada lesen pun.

Tapi kita tak mahu menggalakkan orang kita pinjam tak bayar tak kira dengan Melayu, Cina atau India. Pinjam kena bayar. Tapi

Maknanya kalau kita kata bayar RM10,000, kita kena bayar RM10,000. Kena bayarlah, jika tidak esok-esok tak laku pula kita. Ini yang kita hadapi, bila kita dah janji, kadang-kadang pengadu tak bayar.

kannya tak ada duit, pinjam berjuta-juta. Kita berurusan bagi pihak dia, tiada kepentingan tetapi kita yang terdedah dengan bahaya. Apabila kita berurusan itu, perlulah ada duit makan, minyak, bil telefon, kenalah ada upah sebab aktivis ini sukarela.

Selalunya dalam 10 peratus daripada jumlah yang dipinjam. Sebab kalau kita buat perbandingan, untuk bayar peguam pun sudah jauh lebih mahal. Saya tak nampak ada isu. Habis takkan kita nak buat kerja kosong, dia dapat duit, kita yang kena tanggung. Tak jadi juga. Dia seronok dapat duit, takkan kita pula nak taja dia. Tapi ada juga kes yang macam itu, dia pinjam tapi tak boleh bayar. Apapun, saya melihat itu sebagai asam garam kehidupan. Tak jadi masalah.

***Dalam kes-kes tertentu yang besar tentu sekali akan ada yang mengatakan PPIM gila kuasa. Sebenarnya bagaimana hubungan PPIM dengan pihak berwajib? Atau sengaja nak cari pasal dalam isu tertentu?***

Kita boleh jamin kebanyakan dalam usaha kita, kita buat kerana Allah SWT dan kita dulukan keikhlasan. Jadi dalam proses itu, kita cuba buat yang terbaik, orang nak pandang lain itu, apa boleh buat. Kita pun tak mahu lebih sudu daripada kuah. Kita buat jika tak ada tindakan. Kalau ada tindakan dan orang lain buat, kita ikut.

Dalam konteks ini, saya tak nampak isu ini. Kita tidak mahu buat kerja tambahan kerana kita pun ada banyak kerja nak dibuat. Kita ada ribuan kes untuk diteliti.

Kes along saja sepanjang tempoh ini, saya ingat ada 13,000, bukan sedikit. Kita tak mungkin nak cari lagi kes untuk buat kerana sudah terlalu banyak.

Tak pernah ada kes kita memukul orang, kecuali ada satu kes orang tuduh saya pukul, sedangkan saya sentuh pun tidak. Rasanya tidak ada keadaan yang kita membuat provokasi, kita tidak melebihi apa yang sepatutnya. Cuma kalau kita ada silap, beritahulah, kita terbuka. Sebabnya kita pun dalam proses memperkasakan akhlak orang kita.

***PPIM hanya juara di sidang media sedangkan kes tidak selesai. Komen Datuk?***

Dalam kebanyakan isu yang kita buat, kita cuba cari pengakhiran. Contohnya isu gores

# Ahlong Sogok RM60,000 Untuk Tutup Mata



Untuk memastikan kegiatan pinjaman haram mereka tidak diganggu, terdapat ahlong sanggup memberi wang sogokan sebanyak RM60,000 sebulan supaya PPIM menutup mata dan memekakkan telinga terhadap semua aduan yang diterima. Tidak cukup dengan itu, terdapat juga aktivis PPIM yang diganggu dengan ancaman bunuh serta diekori sehingga ke rumah. Tetapi PPIM tetap teguh demi memastikan peminjam yang ditindas dapat dibela dan tidak diganggu ahlong.



















# KEGANASAN AHLONG





















## Advokasi Kesedaran & Didikan Jauhi Ahlong

Lebih
**100 Juta**
Tontonan

# USAHA PPIM










Iklan-iklan PPIM untuk membantu mangsa ahlong.



Bagi memastikan Kempen 'Jauhi Ahlong, Ahlong Musuh Negara,' diterima oleh semua lapisan masyarakat, PPIM telah mengambil satu langkah proaktif dan pendekatan menyeluruh dengan menyiarkan iklan di dua platform utama radio Malaysia iaitu melalui rangkaian Media Prima Berhad, Hot FM dan Kool FM selama 12 bulan dan menyasarkan lebih 3 juta pendengar di Malaysia



PPIM telah mengambil satu langkah pendekatan melalui temu bual eksklusif di slot pengguna Bernama Radio yang berlangsung kira-kira satu jam setiap 4 kali seminggu dari Isnin hingga Khamis bermula jam 1.15 petang bagi memastikan pengguna peka dengan masalah kepenggunaan di Malaysia. Slot pengguna ini telah berlangsung kira-kira 1 dekad, memberi pendekatan kepada golongan dewasa di Malaysia

**PPIM telah bersiaran di radio BERNAMA pada tempoh SEJAM SETIAP HARI untuk 10 TAHUN**



PPIM telah bekerja sama dengan TV ALHIJRAH memberi maklumat tentang bahaya ahlong pada setiap minggu untuk tempoh lebih dari 2 tahun.



PPIM juga sering diundang menghadiri program Selamat Pagi Malaysia oleh RTM serta syarikat penyiaran lain seperti TV2 dan TV3 untuk memberikan taklimat berkenaan bahaya ahlong.


BH 30 DISEMBER 2015 RABU

**Penipuan telefon bimbit palsu semakin berleluasa**

» 22 NGO desak pihak berkuasa ...h tegas ...ana ...guatkuasaan

theSundaily

theSun ON WEDNESDAY | DECEMBER 30, 2015

AMIRUL SYAFIQ MOHD DIN/THE SUN

Ma'amor, flanked by PPIM president Datuk Nadzim Johan (left) and Muhammad Yusuf, showing the letter from the Consumers Tribunal on the ruling that a Kota Raya trader must refund RM5,000 to the complainant.

**Authorities slammed over inaction against traders**

BY SHAHRIM TAMRIN
newsdesk@thesundaily.com

Utusan MALAYSIA — Penyebar Fikiran Rakyat

**Dikurung empat jam kerana telefon bimbit**

# Peniaga Kurung Pembeli di Kompleks Kota Raya


Harian Metro

PERKELAHIAN TELEFON BIMBIT

*'...70 aduan diterima. Sebahagian besar berkaitan taktik jualan yang memperdayakan pengguna'*

PPIM bertindak cepat dengan membantu mendapatkan semua wang yang telah ditipu oleh penjual telefon bimbit di Kompleks Kota Raya. Sebelum ini, PPIM menerima aduan tentang ada peniaga yang menaikkan harga telefon bimbit yang dijual daripada RM200 kepada RM1200.




# PPIM Berjaya Dapatkan Semula Kereta Mangsa

Dalam satu serbuan ke syarikat pajakan kereta (AGR GROUP). PPIM telah berjaya menyelamatkan sebanyak 56 buah kenderaan dan masih terdapat 1400 buah kenderaan yang masih belum diambil. Difahamkan syarikat ini telah menipu seramai 500 individu manakala kenderaan yang masih dalam pegangan syarikat tersebut sebanyak 1500 buah.





# PPIM Serbu Kilang Roti Terkenal Yang Menjijikkan




PPIM telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan memberi maklumat berkenaan sebuah kilang roti yang kotor. Sebuah serbuan dibuat terhadap kilang roti High-5 di Pulau Pinang. Hasil serbuan mendapati keadaan kebersihan kilang tersebut sangat menjijikkan. Sijil halal produk roti High-5 juga didapati telah tamat tempoh tetapi tetap dijual dengan logo halal JAKIM. Kesannya, kilang tersebut diarah tutup serta merta selama 2 minggu.



Keadaan menjijikkan sewaktu kilang diserbu.









Operasi turut melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pihak polis




# PPIM Dedah Kartel Daging Haram Tukar Jadi Halal

Pendedahan tentang sebuah kartel yang menyeludup daging haram telah mengejutkan pengguna Islam di Malaysia. Daging haram yang dibawa masuk ke dalam Malaysia telah ditukar pembungkusannya beserta logo halal JAKIM. Dengan pendedahan kegiatan penyeludupan ini, umat Islam Malaysia telah memakan daging haram ini tanpa disedari selama bertahun-tahun.




Pembongkaran kartel daging yang menyeludup daging dari negara-negara yang tidak diiktiraf





Sindiket seludup daging import haram guna taktik bungkus semula produk.







PPIM berjaya membantu pihak berkuasa sehingga tumpasnya sindiket penyeludupan daging haram




# Pembongkaran Tepung Gandum Mengandungi Bahan Beracun



BH 28 OKTOBER ... SELASA NASIONAL 13

ISU TEPUNG GANDUM GUNA BAHAN PELUNTUR

## Kementerian bakal beri maklum balas

*Jawab desakan PPIM larang penggunaan BP*

Oleh Zanariah Abd Mutalib

Putrajaya

Kementerian Kesihatan akan mengeluarkan penjelasan dalam masa terdekat berhubung dakwaan sebuah persatuan pengguna mengenai tepung gandum putih mengandungi bahan kimia beracun yang bebas dijual di negara ini.

**Pendedahan PPIM**

Semalam, BH melaporkan pendedahan Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan mengenai tepung gandum putih mengandungi bahan peluntur yang dikenali sebagai Benzoyl Peroxide (BP) masih bebas dijual di negara ini.

Bahan itu yang menjadikan tepung gandum lebih putih boleh menyebabkan penyakit seperti barah, artritis dan kencing manis.

**Larang guna BP**

PPIM mendedahkan bahawa terdapat tepung gandum yang dicampurkan dengan benzoil peroksida untuk memutihkan tepung. Penggunaan bahan ini boleh mendatangkan kesan sampingan seperti penyakit berbahaya kepada manusia. PPIM telah menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melarang penggunaan benzoil peroksida ini dalam tepung gandum yang dijual di Malaysia.

Hasil daripada pendedahan PPIM, kilang pengeluar tepung tidak lagi menggunakan bahan beracun


Harian Metro

SUSULAN BEKAS KERANI TANGGUNG HUTANG SYARIKAT RM80j

Bebas status muflis

Wanita bersyukur Jabatan Insolvensi beri peluang mula hidup baru

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

"Saya masih lagi dalam keadaan terkejut, tak tahu nak cakap apa. Tapi rasa macam dapat kehidupan semula. Kes ini membuatkan saya rasa putus asa, namun atas nasihat banyak pihak termasuk Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), akhirnya saya bebas." Raziah Hussein, 56, yang dibebaskan daripada status muflis akibat menanggung hutang lebih RM80 juta yang dibuat majikannya sejak lebih 27 tahun lalu.

RABU 25.12.13 22 SAFAR 1435

Utusan Malaysia
www.utusan.com.my
PEMANGKIN FIKIRAN RAKYAT

Bekas pengarah syarikat bebas

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

13 tahun pegang status 'muflis'

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI
shaherman.shamsuri@kosmo.com.my

RADZIAH bersama Nadzim menunjukkan surat pelepasan bankrap pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

INFO Muflis
- Kebankrapan merujuk kepada satu proses yang mana seorang penghutang disytiharkan muflis melalui perintah mahkamah
- Jumlah minimum hutang tertangguh untuk seseorang individu itu boleh disytiharkan sebagai muflis ialah sebanyak RM30,000
- Segala harta kepunyaan orang yang diisytihar bankrap terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan beliau bertanggungjawab untuk mengurus dan menjual semua harta tersebut
- Hasil jualan harta itu akan diagihkan kepada pemiutang yang memfailkan bukti hutang dalam kes kebankrapan

Punca-punca seseorang itu menjadi muflis:
Hutang sewa beli kenderaan
Pinjaman peribadi
Pinjaman perumahan
Pinjaman perniagaan
Pinjaman korporat
Pinjaman sosial (menjadi penjamin)
Hutang kad kredit
Hutang cukai pendapatan

Jumlah individu muflis:
2005 hingga 2012: 129,640 orang
2013 (sehingga September): 16,306 orang

# Membantu **Membebaskan** Mangsa Muflis **RM84 Juta**

Seorang wanita telah 'bebas' setelah berada dalam status muflis selama 13 tahun. Wanita ini telah dianiaya oleh bekas majikannya dengan diperangkap melalui pinjaman bank sebanyak RM84 juta. Mangsa menderita kerana tidak boleh melakukan sebarang transaksi kewangan sepanjang berada dalam status muflis. PPIM telah berjaya membantu mangsa untuk keluar daripada status muflis.


Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

PPIM gesa Bank Negara gubal dasar tidak berat sebelah terhadap pengguna

Kaji semula proses isytihar muflis

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa pihak kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) agar mengkaji semula proses pengisytiharan muflis ke atas pelanggan supaya tidak dilihat berat sebelah dan tidak adil kepada pengguna.

NADZIM menunjukkan replika cek berjumlah RM44,550 untuk membantu keluarga pemilik rumah yang dilelong pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

Teksi Big Blue lancar aplikasi mudah alih 2Go di Suria KLCC

SYED HAMID (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Shamsubahrin (kiri) dan Tengku Hasmadi (kanan) pada Majlis Menandatangani MoU antara Big Blue dan CAB di Suria KLCC, Kuala Lumpur semalam.





Utusan Malaysia

## Samseng tarik kereta 'diajar' Ketua Aktivis PPIM

**KUALA LUMPUR 4 Ogos** – Sekumpulan penarik kereta yang berlagak samseng apabila cuba menarik kenderaan jenis Toyota Avanza ketika berada di lampu isyarat berhadapan Menara Celcom, Jalan Semarak, di sini 'diajar untuk berbudi bahasa' oleh Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan.

Menurut Nadzim, kejadian kira-kira pukul 1.30 petang kelmarin itu berlaku selepas beliau dan pembantunya melihat kenderaan Proton Saga yang dinaiki tiga orang penarik kereta berketurunan India memandu dalam keadaan yang mencurigakan apabila beberapa kali cuba menghimpit dan menyekat haluan Toyota Avanza berkenaan.

Beliau yang kebetulan menyaksikan kejadian itu kemudiannya membuat keputusan mengekori Proton Saga tersebut bermula dari Bulatan Pahang hingga tempat kejadian.

"Sepanjang perjalanan dari Bulatan Pahang sehinggalah tiba pada lampu isyarat, Proton Saga terbabit turut dilihat memandu laju dan berbahaya dengan mengekori Toyota Avanza itu secara dekat.

"Sebaik sahaja berhenti di situ, setelah ...

mereka serta meminta pengesahan sama ada mempunyai surat atau kad kuasa yang sah untuk proses penarikan kereta.

"Namun, mereka gagal berbuat demikian sebaliknya cuba memberi alasan termasuklah sedang menunggu surat penarikan kereta dan sebagainya. Selepas beberapa minit bersemuka, mereka pun akhirnya setuju untuk berlalu pergi," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini.

Satu rakaman video berdurasi tiga minit yang memaparkan Nadzim bersemuka dengan 'samseng' penarik kereta itu semasa kejadian di lampu isyarat berhadapan Menara Celcom, Jalan Semarak tular dalam media sosial.

Persatuan itu turut memuat naik video penuh berdurasi empat minit 26 saat ke YouTube dan menerima 81,000 tontonan sehingga pukul 5 petang ini sejak mula dimuat naik kira-kira pukul 10 pagi semalam.

Mengulas lanjut, Nadzim turut menggesa pihak bank dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) supaya mengambil serius tentang perkara melibatkan proses penarikan ...

# Toqqi Mengamuk Kerana Samseng Tarik Kereta

Tular sebuah video memaparkan dua orang samseng jalanan cuba untuk menahan dan menarik kereta lain tetapi tidak memiliki dokumen dan kad kuasa yang sah. Toqqi yang kebetulan menyaksikan sendiri tindakan kedua samseng tersebut telah bertindak dengan menyelamatkan kenderaan mangsa daripada ditarik oleh samseng tersebut.






# PPIM Memperjuangkan 'Buy Muslim First' (BMF)

PPIM menyokong kempen "BMF" bagi memperkasakan ekonomi umat Islam. Sebelum ini, ekonomi umat Islam amat ketinggalan kerana kurangnya sokongan daripada umat Islam sendiri. Melalui kempen sokongan ini, lebih ramai pengusaha Muslim boleh dibantu dan jurang ekonomi boleh dirapatkan kembali.






# Bekerjasama Melancarkan Malakat Mall di Cyberjaya





Malakat Mall dipenuhi orang ramai

Melalui KoPPIM (Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia), Malakat Mall telah berjaya ditubuhkan di Cyberjaya untuk menghidupkan kembali ekonomi umat Islam setempat. Di Malakat Mall, pedagang-pedagang Islam berhimpun dan memberikan lebih banyak pilihan produk keluaran Muslim kepada pengguna. Pengguna Islam juga lebih mudah untuk menyokong kempen BMF dengan pilihan produk keluaran Muslim untuk pelbagai kegunaan.




# Pelancaran Malakat Mall Kedua Di Melaka





Malakat Mall buka peluang pekerjaan kepada umat Islam

Untuk meningkatkan lagi kuasa ekonomi umat Islam di Malaysia, KoPPIM (Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia) telah berjaya menubuhkan Malakat Mall yang kedua di Melaka. Pembukaan Malakat Mall kedua ini bukti kesungguhan KoPPIM dan PPIM untuk membantu merapatkan jurang ekonomi umat Islam di Malaysia.



Utusan Malaysia

# Tolak Jawi tiada masalah, jangan pakai logo halal Jawi – PPIM

Oleh HAWA ALI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 OGOS

PERSATUAN Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mencadangkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) supaya mengeluarkan sijil halal dalam tulisan mengikut bangsa pemilik produk.

Setiausaha Agungnya Datuk Dr. Maamor Osman berkata, sebagai contoh, jika produk itu dikeluarkan oleh pemilik Melayu, Islam, Jakim perlu mengeluarkan sijil halal dalam tulisan Jawi.

Katanya, begitu juga jika produk berkenaan dikeluarkan oleh syarikat Cina dan India, maka sijil halal mesti ditulis

DR. MAAMOR OSMAN (kiri) dan Presiden PPIM Datuk Nadzim Johan menunjukkan contoh logo halal menggunakan tulisan Cina dan India di Kuala Lumpur semalam.

"Kita tidak mahu mereka

orang Melayu dan Islam secara mengelirukan pembeli dengan tulisan Jawi.

"Ini tidak patut. Kalau betul-betul bencikan tulisan Jawi, jangan pakai, walaupun pada produk mereka," katanya dalam sidang akhbar kempen membeli akhbar *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* di sini hari ini.

Maamor, turut memberi contoh kuih pau yang menggunakan nama Melayu, sedangkan pemilik dan pekerjanya bukan Islam.

Jelas beliau, pemilik menggunakan jenama 'berbau' Melayu dan Islamik untuk mengelirukan kalangan muslim kononnya makanan itu halal.

"Walhal, pemiliknya bukan Islam tapi menggunakan nama orang Melayu untuk mengelirukan orang Islam. Kita mengajak orang Melayu, Islam selepas ini lebih berhati-hati membeli produk bukan Muslim yang

# PPIM Mempertahankan Tulisan Jawi

PPIM menempelak sebahagian pihak yang menolak tulisan jawi untuk diajar dalam kurikulum tetapi tulisan jawi tetap mahu digunakan dalam pembungkusan makanan yang dijual kepada umat Islam. Tulisan jawi ini merupakan identiti bangsa Melayu yang sepatutnya dipertahankan.






# Kotak Infaq Rezeki
## Bantu 100,000 Keluarga

PPIM mengambil inisiatif melalui sumbangan orang ramai untuk menjalankan program kotak Infaq Rezeki bagi membantu keluarga yang terjejas akibat PKP yang lalu. Kotak Infaq Rezeki yang terdiri daripada bahan makanan asas agar mereka tidak kelaparan. Pemberian kotak Infaq Rezeki ini telah memberi manfaat kepada 50,000 keluarga dengan nilai sebanyak RM4 juta di seluruh negara.




1
SELAMAT DATANG KE BBP KAPAR
2
MRA
Malaysian Relief Agency
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14
TERIMA KASIH PENYUMBANG
INFAQ Rezeki
PPIM
sumbangan
15
DEWAN WAWASAN
sumbangan
16
17
18
19
20
21
22


23
BAROKAH KIT
PPIM
sumbangan
TERIMA KASIH PENYUMBANG


24
iNFAQ Rezeki
PPIM


25
PROGRAM
QASEH SYAWAL


26
BAROKAH KIT


27
iNFAQ Rezeki


28
WISMA
KOPERASI TENTERA
MRA


29
TERIMA KASIH PENYUMBANG
iNFAQ Rezeki
PPIM
sumbangan


30
PPIM
WARISAN


31
PPIM


32
iNFAQ Rezeki
PPIM

PPIM dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) , Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin, Adventure Touring Motorsports (ATMS), Persatuan Pengguna Islam Langkawi (PPIL), PEISO Motor Garage, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan KINGZ Motor Club menyempurnakan acara "FLAG OFF" sempena Jelajah Sumbangan INFAQ REZEKI di utara tanah air.


























# Bebola Ikan Dicampur 'Babi'




PPIM mendapati terdapat sebahagian produk bebola ikan disyaki tidak halal kerana mengandungi campuran produk berasaskan babi. Selain daripada dicampurkan dengan produk haram, cara pemprosesan dan pembuatan bebola ikan ini juga didapati tidak bersih dan menjijikkan. PPIM menggesa pengguna Islam supaya berhati-hati ketika membuat pilihan.


Harian Metro

**Jeli kulit babi**

> Dengan harga semurah 20 sen, ramai kanak-kanak sekolah ketagih membelinya. Tetapi awas! Gula-gula getah dan jeli ini, terutama yang diimport dan tidak mempunyai sebarang logo halal diyakini 80 peratus daripadanya dihasilkan daripada gelatin babi,

lapor Mohd Jamilul Anbia Md Denin

muka 4

**WARNA-WARNI...** antara gula-gula getah dan jeli di pasaran yang dipercayai diperbuat daripada gelatin haiwan yang haram dimakan umat Islam.

# Pendedahan Gelatin 'Babi' Dalam Gula-gula Kanak-kanak

PPIM mengingatkan ibu bapa agar lebih berhati-hati ketika membeli gula-gula untuk anak-anak mereka. Ini berikutan terdapat gula-gula yang dijual di pasaran tidak mempunyai logo halal dan mungkin dibuat dan diproses menggunakan bahan yang tidak halal seperti gelatin babi. Terdapat juga gula-gula yang tidak memaparkan bahan-bahan yang digunakan.




Makanan Syubhah yang telah dimakan oleh umat Islam di Malaysia



**PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA**
No. 70X Jalan Keramat Hujung, Bukit Keramat, 54000 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-425 77 222 Faks: 03-4256 6617
Hotline: 019-359 1000 Laman Web : www.muslimconsumer.org.my

**Attention To: News Editor**

**16 Mei 2011**

**Kenyataan Media Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)**

Merujuk pada akhbar Berita Harian mukasurat 13 pada 16 Mei 2011. PPIM amat terkejut dengan pendedahan mengenai ramuan kek dan bakeri keluaran Syarikat Puratos Malaysia Sdn Bhd yang dicemari dengan unsur babi.

Sebelum ini juga telah berlaku banyak insiden pencemaran bahan-bahan haram dalam makanan yang disahkan Halal oleh pihak bekuasa. Ini termasuk

1. Isu bebola ikan yang ditemui mengandungi darah ular dan lemak babi.
2. Bahan balutan untuk sosej
3. Kebersihan di premis roti terbesar
4. Vaksin haji
5. Isu ayam sembelih yang dicampur dengan babi
6. Ayam sembelih yang bercampuran dengan ayam yang haram
7. Daging lembu yang bercampur dengan daging babi

Oleh yang demikian,

1. PPIM menggesa agar pihak berkuasa khususnya JAKIM dan Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kepenggunaan mengambil langkah-langkah yang lebih serius dalam menjamin kesejahteraan umat Islam dalam mengguna produk-produk yang disahkan Halal.
2. PPIM juga menggesa agar JAKIM menilai semula tauliah yang diberikan oleh badan-badan pensijilan Halal di luar Negara dan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat serta memastikan mereka mempunyai kemudahan makmal yang lengkap atau kerjasama dengan makmal yang diiktiraf.
3. Dalam masa yang sama JAKIM juga perlu mempertingkatkan kemudahan mereka dalam menyediakan peralatan yang lebih yang boleh menguji sampel di peringkat DNA.
4. Selain dari itu, PPIM juga mencadangkan JAKIM mempertimbangkan untuk mengiktiraf makmal-makmal yang layak untuk menjalankan ujikaji terhadap sampel-sampel untuk tujuan pensijilan dan odit.
5. Memastikan satu SOP yang jelas mengenai peranan pihak-pihak terbabit dalam penguatkuasaan, pensijilan, pemantauan, Audit supaya tidak berlaku kekeliruan dan ketidak tentuan bidang kuasa dan tugas ketika timbul sesuatu isu.
6. Menambah bilangan kakitangan untuk tujuan penguatkuasaan dan Audit
7. Menggesa kerajaan pimpinan YAB

# Pendedahan DNA Babi Dalam Ramuan Kek

PPIM menggesa pihak JAKIM dan KPDNKK untuk mengambil langkah serius dan menilai semula tauliah yang diberikan kepada badan pensijilan halal di luar negara demi menjaga kepentingan umat Islam dalam mendapatkan bahan makanan yang halal dan suci berikutan isu-isu adanya DNA babi dalam bahan membuat kek dan roti.



Utusan Malaysia

**Dua bahan buat kek, roti ada DNA babi: JAKIM**

PUTRAJAYA: Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia minggu lalu menolak permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sebuah syarikat pembekal bahan membuat kek, roti dan pastri selepas mendapati ia mengandungi DNA babi dalam dua ramuan yang digunakan oleh syarikat itu.

Dua ramuan terbabit ialah 'Whole Egg Powder' dan 'Whole Milk Powder.'

Difahamkan, syarikat yang beribu pejabat di Eropah itu turut membekalkan roti, kek dan pastri untuk pasar raya besar dan restoran di negara ini.

Berikutan itu, Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) meminta semua pemegang dan pemohon baru SHPM yang menggunakan produk keluaran syarikat terbabit mengambil langkah untuk mengelakkan sijil mereka ditarik balik.

"Semua pemegang atau pemohon baru yang menggunakan produk syarikat terbabit diminta menukar produk itu kepada produk lain yang memiliki sijil halal yang diiktiraf.

"Mereka juga diminta mengemukakan resit pembelian produk baru daripada pembekal yang memiliki sijil halal yang diiktiraf," katanya dalam kenyataan yang disiarkan di laman web, semalam.

Selain itu, pemegang dan pemohon baru juga diminta menjalankan proses semak dan mengemukakan bukti surat akuan semak daripada pihak Jabatan Agama Islam Negeri.

Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya melayari laman web www.halal.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarikat yang memiliki SPHM.



# Bangkai Ayam Dijual Di Pasar Raya



Selepas JAKIM menarik sijil halal daripada salah sebuah kilang ayam terkenal, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) telah melakukan siasatan dan pemeriksaan terhadap 10 pusat beli-belah dan pasar raya utama di ibu kota. Mereka mendapati masih terdapat beberapa premis yang menjual produk berasaskan ayam keluaran syarikat terbabit. PPIM menggesa hukuman yang lebih berat kepada pengusaha kilang makanan yang menyalahgunakan dan menyeleweng sijil halal yang mereka ada.



# Kilang Memproses Tauhu Kering Guna Air Berlumpur

Hasil operasi PPIM mendapati, kilang ini menggunakan air berlumpur untuk memproses tauhu kering. Kilang ini juga terletak bersebelahan dengan kandang anjing dan masih menggunakan logo halal yang sudah tamat tempoh sejak tahun 2003. Pengusaha tauhu telah dikompaun sebanyak RM1000 manakala pemilik kandang anjing dikompaun sebanyak RM25,000. Kilang tersebut juga telah diarahkan untuk tutup.







Harian Metro

34 Setempat

Usus babi jadi sarung sosej

Kilang diserbu selepas pihak berkuasa terima aduan dan membuat pemantauan

FAIL METRO

# Pembongkaran Sarung Sosej Dibuat Dari Usus Babi

PPIM menggesa agar pihak berkuasa mengambil tindakan yang tegas kepada pengilang makanan yang didapati menggunakan bahan tidak halal yang berasaskan babi dalam produk mereka. Tindakan ini boleh mengelirukan umat Islam yang amat mementingkan aspek halal dalam pemilihan makanan.

Kes ini berjaya dibongkar sehingga syarikat pembekal disita dan akhirnya tutup sehingga kini

## PPIM tetap dakwa sosej keluaran dua buah kilang tidak sah

Muda Mohd Noor
Diterbitkan: Mar 29, 2005 6:39 PM · Dikemaskini: Jan 29, 2008 6:21 PM

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) tetap dengan pendirian bahawa sosej yang dikeluarkan Syarikat Muller Sausage Haus Sdn Bhd dan Pacific Refrigerating Sdn bhd adalah tidak halal di sisi agama Islam.



Setiausaha Agung PPIM, Datuk Dr Maamor Osman berkata, isu utama yang dipertikaikan ialah mengenai penggunaan 'natural casing' dalam industri pembuatan sosej, tidak mengira sama ada ia dibuat dari babi ataupun binatang lain seperti kambing biri-biri.


PERJUANGAN BERSAMA DEMI PENGGUNA
Harian Metro
SOSEJ USUS BABI
PRODUK HARAM GUNA LOGO HALAL PALSU
LOGO PALSU KELIRUKAN PENGGUNA
Ikuti kupasan mengenai isu ini secara live di Facebook PPIM bersama toqqi, Ketua Aktivis PPIM dan Izham Nayan, Aktivis PPIM pada 12 Februari 2020, jam 3 petang
PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA


PERJUANGAN BERSAMA DEMI PENGGUNA
Harian Metro
Setempat
Usus babi jadi sarung sosej
Kilang diserbu selepas pihak berkuasa terima aduan dan membuat pemantauan
SOSEJ USUS
METRO
SMS SABOTAJ?
SOSEJ USUS BABI JADI SANTAPAN
Ikuti kupasan mengenai isu ini secara live di Facebook PPIM bersama toqqi, Ketua Aktivis PPIM dan Izham Nayan, Aktivis PPIM pada 12 Februari 2020, jam 3 petang
PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA





# Mendesak Label Bulu Babi Atau Anjing Pada Berus

PPIM telah melakukan sidang media untuk menjelaskan isu berkaitan bulu berus babi. Di mana isu pelabelan merupakan satu perintah perihal dagangan, iaitu barang yang dibuat daripada mana-mana bahan daripada anjing atau babi hendaklah dilabel. Oleh itu, PPIM menekankan isu-isu pelabelan ini kerana ianya merupakan akta tambahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.






# 'No Pork, No Lard' Tidak Menjamin Halal

Tanda 'No Pork' boleh mengelirukan pengguna Islam dan bukan jaminan makanan yang disediakan ialah halal. Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, meminta pihak berkuasa mengarahkan papan tanda seumpama itu diturunkan.



10 NASIONAL — SABTU 13 FEBRUARI 2016 — BH

## 'No pork' umpan pelanggan Islam

» Papan tanda undang kekeliruan pengguna

Oleh Nora Mahpar, Mohd Nasaruddin Parzi dan Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Menggantung papan tanda atau mempamer pelekat 'pork free' di

menepati piawaian ditetapkan JAKIM.

Ada segelintir premis bertindak tidak memaparkan sebarang logo halal, selepas ditanya mengenai status restoran itu, barulah dimaklumkan bahawa ia berstatus 'pork free' dan tidak pernah memohon untuk mendapatkan sijil halal.

**Tak pernah mohon sijil halal**

Menurut pekerja restoran berkenaan yang enggan namanya didedahkan, restoran itu tidak pernah memohon sijil halal kerana yakin jika permohonan dibuat ia akan ditolak.

Ini berikutan, katanya sumber asas menu yang dijual berstatus meragukan.

Mohd Roslan Mahayudin

seratus peratus.

## PPIM gesa tindakan tegas

**Persatuan** Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), mahu pihak berkuasa bertindak lebih tegas terhadap restoran menggantung papan tanda 'pork free' bagi memastikan pelanggan muslim tidak terkeliru.

Dua badan bukan kerajaan (NGO) pengguna itu juga mendesak premis makanan yang meletakkan papan tanda sedemikian supaya menurunkannya segera.

Ini kerana tindakan mempamer papan tanda tertulis 'pork free' atau 'no pork di premis makanan yang dikunjungi ramai orang Islam menimbulkan keraguan sama ada makanan dijual benar-benar dijamin halal atau menepati hukum syarak dan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Tindakan mempamer papan tanda sedemikian juga seolah-olah memperlekeh peraturan status pensijilan halal dikeluarkan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), selain dikhuatiri boleh disalah guna bagi tujuan menarik dan mengelirukan pelanggan muslim.

**Isu berlarutan**

Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan, meminta pihak berkuasa mengarahkan papan tanda seumpama itu diturunkan, menggunakan kuasa seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011.

"Isu halal ini sudah berlarutan agak lama.. selain masalah sijil halal itu yang sering dieksploitasi dan disalah guna, sekarang ini pernyataan ('no pork') seperti ini juga boleh menimbulkan pelbagai persepsi dan memberi maksud berbeza dalam kalangan masyarakat Islam mengenai status halal.

> "**Mereka ingat bila ada pernyataan 'no pork' dan 'free pork', maka ia sudah menunjukkan premis itu halal,** *ini tidak betul, kerana halal itu perlu merujuk kepada pensijilan halalnya yang dikeluarkan JAKIM*"
>
> **Nadzim Johan**, *Ketua Aktivis PPIM*


4 A Setempat RABU 14 JANUARI 2015 Harian Metro

BAKAL HAJI TURUT 'TERGORES'

Suami isteri rugi RM40,000 ditipu anggota sindiket

Oleh Yusmizal Dolah Aling dan Muhammad Saufi Hassan
am@hmetro.com.my

Info
Dilaporkan sepanjang 2014

- 14 April – Lima termasuk seorang wanita dihadapkan ke Mahkamah Majistret Seremban, atas tuduhan menipu tiga mangsa melalui kegiatan gores dan menang membabitkan kerugian RM46,700.
- 15 April – Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Pahang mengesan taktik terbaharu sindiket gores dan menang yang menawarkan hadiah pakej mengerjakan umrah selain kereta untuk memperdaya mangsa.

Harian Metro

Aktivis PPIM nyaris maut

Diserang samseng sindiket gores dan menang guna pedang samurai

AHMAD NORMAN ABU TALIB

KUALA LUMPUR – Dua aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) oleh dera diserang sekumpulan lelaki dipercayai sindiket gores dan menang dalam satu

Sinar harian TELUS & TULUS

PPIM kenal pasti tumpuan sindiket gores dan menang

Kuala Lumpur: Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mengenal pasti empat negeri yang menjadi tumpuan sindiket gores dan menang memerangkap mangsa membabitkan kira-kira 7,100 kes sepanjang tahun lalu.

Negeri terbabit adalah Johor, Pulau Pinang, Pahang, Selangor selain Kuala Lumpur.

Berdasarkan laporan diterima,

Nadzim Johan berkata, pihaknya menerima kira-kira 20 kes seperti ini setiap hari dan seperti biasa, ia membabitkan golongan berusia 50 tahun ke atas.

Katanya, faktor sindiket ini masih bermaharajalela berikutan kurang kesedaran dalam kalangan masyarakat selain kemahnya perundangan bagi mendakwa sindiket berkenaan.

"Kes penipuan ini boleh di-

# Toqqi Nyaris Maut Bergaduh Dengan Sindiket Gores & Menang




Terlalu ramai mangsa yang telah menderita setelah ditipu oleh sindiket gores dan menang. PPIM juga telah menerima banyak aduan berkenaan kegiatan yang dijalankan oleh sindiket ini. Kerugian mencecah jutaan ringgit telah dicatatkan dan PPIM telah menggesa pihak berkuasa untuk mengambil tindakan bagi menumpaskan sindiket ini. Toqqi sendiri hampir maut akibat bergaduh dengan ahli sindiket ini. Usaha ini seolah-olah sukar kerana terdapat dakwaan menyatakan bahawa sindiket gores dan menang ini dilindungi oleh kongsi gelap dan juga pihak berkuasa sendiri.

Harian Metro

RINGKAS

## PPIM kesan 25,000 kes keldai akaun

Kuala Lumpur: Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) merekodkan 25,000 kes keldai akaun yang didalangi sindiket di seluruh negara sejak tiga tahun lalu dan ia umpama kisah lama yang tidak selesai.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata, isu itu berlanjutan hingga kini dengan jumlah mangsa dijangka meningkat ekoran terdapat kes terbaru beberapa minggu lalu.

Nadzim menggesa tindakan segera diambil pihak berkuasa untuk menghentikan perbuatan pihak tertentu yang menggunakan identiti orang lain untuk kepentingan sendiri, termasuk aktiviti menyalahi undang-undang negara.

"Ini isu yang kita terima beberapa tahun lalu dan seperti tiada kesudahan. Ada yang sudah dipenjara, ada yang terpaksa berkurung di rumah kerana takut. Peraturan yang ada pula meletakkan kesalahan kepada pemilik akaun walaupun dalam kes tertentu, mereka tidak mengetahui ia digunakan tanpa kebenaran," katanya.

# PPIM Bantu Mangsa Keldai Akaun

Ada pesalah keldai akaun yang menjadi mangsa keadaan dan seterusnya terpaksa menerima hukuman untuk kesalahan yang mereka tidak lakukan. PPIM mengadakan perbincangan dengan Ketua Polis Negara dan Pejabat Peguam Negara berkenaan isu ini kerana, ia melibatkan hukuman penjara dan pastinya mangsa akan teraniaya.

Harian Metro

Kuala Lumpur

## PPIM bantu mangsa keldai akaun

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) sedang cuba berbincang bersama Ketua Polis Negara termasuk bank Negara dan Pejabat Peguam Negara berkenaan mangsa sindiket penipuan keldai akaun.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Nadzim Johan berkata, pihaknya sedang berusaha untuk membantu mangsa yang teraniaya dengan perbuatan orang lain.

Menurutnya, ini adalah penipuan terkini dan cukup berat kerana ia membabitkan hukuman penjara berikutan wang dimasukkan ke dalam akaun mangsa.

"Sama seperti kawan yang membawa kereta kita dan kena saman. Bukan dia kena saman tetapi kita yang kena saman sebab itu kereta kita.

"Ada kes yang kita terima di mana Orang Kurang Upaya (OKU) yang terpaksa dimasukkan ke dalam penjara selama 255 hari berikutan adiknya yang juga bekas penagih menjual kad bank kepada orang lain.

"Polis ada indeks petunjuk prestasi utama (KPI). Sekarang ini, saya dimaklumkan KPI mereka perlu caj 45 peratus kes tangkapan," katanya.




# Pendedahan Sindiket Guna 'Pelekat Kebal'



MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Home › Nasional › PPIM dedah sindiket kereta piang guna logo KPDNHEP, pelekat kebal

NASIONAL

PPIM dedah sindiket kereta piang guna logo KPDNHEP, pelekat kebal

By Mohd Zaini Samsu Hadi - 14 May 2019



PPIM menerima lebih 800 aduan mengenai kereta yang ditarik tetapi tidak diserahkan kepada bank. Beberapa ejen pemilikan semula (EPS) atau lebih dikenali sebagai ejen tarik kereta dikesan menggunakan pelekat khas bagi melindungi kenderaan yang ditarik tetapi tidak diserahkan kepada bank.



Sinar harian — TELUS & TULUS

Seorang jururawat di sebuah hospital swasta dibuang kerja kerana pakai baju lengan panjang dan bertudung

JURURAWAT DILARANG TUTUP AURAT?

Utusan Malaysia — UTUSAN MALAYSIA • SABTU 5 DISEMBER 2015

Jururawat hospital swasta dakwa diberhenti kerana tutup aurat

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Seorang jururawat di sebuah hospital swasta di ibu negara mendakwa diberhentikan kerja tanpa sebarang notis oleh pihak pengurusan hanya kerana tindakannya memakai pakaian yang menutup aurat.

Naziah Suani Samat, 24, mendakwa, pihak pengurusan hospital tersebut tidak membenarkan petugas beragama Islam khususnya jururawat memakai tudung serta lengan panjang ketika bertugas.

Menurut gadis berasal dari Sarawak itu, pihak hospital turut mengeluarkan kata-kata kesat malah mengugut akan memecat mereka sekiranya bertegas untuk tidak memakai uniform lengan pendek dan hanya mengenakan anak tudung semasa bekerja.

Dakwanya, rata-rata petugas di ...

NADZIM JOHAN (tengah) dan Naziah Suani Samat (kanan) menunjukkan laporan polis terhadap sebuah hospital swasta berhubung tindakan diskriminasi agama terhadap pekerja Islam di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

# Diskriminasi Terhadap Pekerja Wanita Bertudung



Harian Metro — SABTU 5 DISEMBER 2015

Oleh Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

**Dimarah tutup aurat**

Bekas jururawat dakwa dilarang pakai baju lengan panjang, tudung oleh majikan

"Saya hanya memakai baju lengan panjang dan tudung saja, namun perbuatan itu dianggap kesalahan besar sehingga saya diberhentikan kerja oleh pihak pengurusan sebuah hospital swasta di bandar ini," kata bekas jururawat, Naziah Sauni Samat, 24.

Naziah yang bertugas di hospital itu pada September lalu mendakwa dia dilarang memakai baju lengan panjang dan tudung kerana menyalahi etika pemakaian dan dibimbangi boleh menyebabkan kuman merebak hingga membahayakan pesakit.

Katanya, dia bersama seorang lagi rakan yang mengetahui larangan itu tetap berdegil memakai tudung, namun akur dengan arahan supaya mengenakan baju lengan pendek.

"Saya tetap mahu pakai tudung kerana ia adalah perintah agama tetapi terpaksa memakai baju lengan pendek berserta stoking tangan, namun tindakan itu mengundang kemarahan pihak pengurusan hospital.

"Saya diberi pelbagai tekanan oleh pihak pengurusan hospital iaitu tidak membenarkan melakukan sebarang pekerjaan selain dimaki hanya kerana mahu menutup aurat," katanya dalam sidang media di pejabat Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), semalam.

Hadir sama, Ketua Aktivis PPIM Datuk Nadzim Johan.

Naziah berkata, diskriminasi menerusi pemakaian itu sudah lama berlaku di hospital berkenaan namun rata-rata pekerjanya tidak berani menyuarakan rasa tidak puas hati kerana dibimbangi dikenakan tindakan.

"Pihak pengurusan langsung tidak mahu bertolak ansur, malah sijil Perakuan Amalan Tahunan (APC) yang membolehkan ...

Tindakan sebuah hospital swasta memecat salah seorang jururawat yang baru memulakan tugas kerana menutup aurat mendapat perhatian pihak PPIM kerana menganggap ianya tidak adil. Selain itu, jururawat terbabit juga tidak diberitahu akan etika berpakaian semasa menawarkan pekerjaan itu. Jururawat tersebut tidak mendapat hak sepatutnya kerana dia diberhentikan tanpa sebarang notis. Tindakan undang-undang telah diambil terhadap hospital swasta tersebut.



# Terpedaya Dengan Penipuan Syarikat Telco



SOROT

Ahad 4 September 2016 • Sinar Harian 1

TEAM SOROT
FAIRUZ JUMAIN,
RIDUAN ASHAHA
JANATUL FIRDAUS

## 'MANA HAK KAMI?'

Dalam pada isu harga barangan hangat diperkatakan kini, terdapat juga harga lain yang harus dipantau pihak berkuasa kerana ia turut membabitkan wang poket rakyat. Harga lain itu adalah 'harga tersembunyi' syarikat telekomunikasi (telco) di negara ini yang boleh dikatakan berada di tahap melampau dan amat misteri.

Pada Februari tahun 2014, Menteri Komunikasi dan Multimedia pada waktu itu, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pernah mengeluarkan kenyataan supaya syarikat telekomunikasi di negara ini menurunkan caj penggunaan telefon dan yang paling menarik perhatian apabila beliau menyebut syarikat-syarikat gergasi ini 'untung besar'.

Berapa besar keuntungan syarikat telekomunikasi seperti yang dimaksudkan Ahmad Shabery? Sudah pasti keuntungan mereka setiap tahun mencecah jumlah bilion ringgit!

Masalah membabitkan caj telco ini sebenarnya sudah lama membelenggu fikiran rakyat Malaysia dan ia sukar dipantau oleh pengguna sendiri.

Jika dahulu rungutan yang sering didengari adalah "sedar-sedar kredit kena telan padahal tak banyak panggilan atau mesej dibuat", kini antara yang popular adalah "kejap je kuota internet perlu ditambah nilai kerana sudah melepasi had dilanggan". Jadi di mana ukuran yang perlu diikuti oleh syarikat telco ini?

Jika timbang berat ada ukurannya, kelajuan ada sukatannya, di mana pula ukuran bagi minit dan data untuk telco yang kita gunakan yang boleh dipantau sendiri oleh pengguna? Jika ukuran ini tiada, maka pihak berwajib perlu mewujudkannya kerana rakyat terasa amat terbeban dengan caj-caj pelik-pelik dan dan plan yang sukar difahami oleh pengguna sendiri.

Jadi mahu tidak mahu kita sebagai pengguna seolah-olah reda sahaja. Ini belum lagi mengenai mutu perkhidmatan yang tidak konsisten. Walaupun kita tidak berjaya menghubungi seseorang dan talian terputus, namun caj tetap dimasukkan dalam bil!

Sampai bila rakyat Malaysia akan menghadapi permasalahan ini? Ikuti laporan khas SOROT minggu ini mengenai misteri caj yang dikenakan telco.

## PPIM terima aduan caj melampau syarikat telco

PERSATUAN Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mendedahkan ada menerima pelbagai bentuk aduan daripada orang ramai yang melaporkan perasaan terkilan mereka terhadap syarikat pembekal telekomunikasi mudah alih ini.

Dalam dunia teknologi di hujung jari hari ini, pastinya telefon bimbit dan internet menjadi salah satu keperluan asas dan bukan lagi sekadar keinginan.

Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan mendedahkan tujuh dakwaan berkaitan penipuan yang dilakukan syarikat telco yang diadukan oleh pengguna kepada persatuannya.

Bermula daripada khidmat perantauan antarabangsa, sehinggalah kepada kehilangan baki kredit tanpa sebab yang munasabah, ia didedahkan PPIM berkenaan caj-caj melampau yang dikenakan terhadap pengguna telefon bimbit.

### Berikut adalah senarai didedahkan oleh PPIM

1) **Perantauan Antarabangsa (Roaming)** - Caj sehingga mencecah RM80,000 selepas berada di luar negara tanpa mengetahui wujudnya perkhidmatan berkenaan, bila dibuat aduan kepada telco, pihak berkenaan kemudian mendakwa perkhidmatan itu memang sudah tersedia di dalam langganan.

2) **Kehilangan Kredit Pra-Bayar** - Telco mengambil sejumlah kredit daripada akaun pengguna atas sebab perkhidmatan data internet harian padahal, pelanggan itu sudahpun membuat langganan untuk data internet secara bulanan, selepas membuat aduan, barulah jumlah kredit berkenaan dikembalikan semula, jika tidak dibuat aduan, kredit berkenaan akan hilang. Bayangkan berapa banyak kes kehilangan kredit sebegitu tidak yang tidak dibuat aduan?

3) **Pelan Data Internet** – Pelanggan yang memohon langganan 3GB contohnya, tetapi hanya mendapat 1.5GB dan ada aduan yang diterima PPIM, tidak menerima apa-apa langsung langganan.

4) **Kesahihan Baki Data Internet** - Pakej data internet yang dilanggan 3GB didakwa sudah habis digunakan oleh telco biarpun selepas hanya beberapa hari dilanggan, untuk terus menggunakan data internet, perlu buat pembayaran tambahan.

5) **Penalti Bayaran Lewat** - Ada aduan diterima PPIM, pelanggan telco terpaksa membayar sehingga RM20,000 akibat penalti RM50 sebulan yang dikenakan syarikat telco bermula daripada jumlah RM200 yang tidak dibayar.

6) **Panggilan Tidak Berjawab** -Panggilan pelanggan telco jika tidak dijawab, ia tetap akan dicaj walaupun tidak sampai satu saat.

7) **Caj Melampau Tidak Munasabah Telco** - Caj untuk mendengar pesanan suara (voicemail), caj untuk menerima bil dicetak dan caj untuk mendapatkan bil terperinci.

Telefon yang pertama di dunia dicipta oleh Alexander Graham Bell yang telah dipatenkan di Amerik[a] Syarikat pada 1876. Ayat pertam[a] keluar dari corong telefon ketik[a] adalah "Watson, c[ome here, I] want to see you!" ([...] datang ke sini, [...] jumpa kamu!). [...] saat selepas it[u] pembantunya [...] Thomas A. [...] bergegas [...] berangg[...] memen[...]

Toqqi telah mendedahkan 7 dakwaan berkaitan penipuan yang dilakukan oleh syarikat telco setelah menerima banyak aduan berkaitan dengan penipuan ejen yang menawarkan pascabayar telekomunikasi secara percuma selama 2 tahun. Malangnya, semua itu hanya penipuan terancang apabila mangsa menerima bil tunggakan bagi pakej telefon tidak diketahui.



RABU 14 JANUARI 2015 BH

# 55 mangsa sindiket jual beli emas rugi RM5 juta

**Kuala Lumpur:** Satu sindiket jual beli emas dikatakan memperdaya 55 orang yang membabitkan kerugian lebih RM5 juta selepas melabur dengan sebuah syarikat yang beroperasi di China.

Modus operandi sindiket ialah menjemput orang ramai menghadiri taklimat jual beli emas di hotel terkemuka dan menawarkan keuntungan sehingga 10 peratus dalam masa 24 bulan dengan pengagihan keuntungan setiap minggu, mulai September lalu.

Pelabur juga diberikan sijil pembelian emas, kata laluan

terhadap skim yang ditawarkan.

Bagaimanapun, mangsa yang membuat pelaburan ke atas 38 kilogram emas, mula menyedari mereka ditipu selepas pelaburan sejak setahun lalu tidak menerima sebarang pulangan seperti dijanjikan.

Berikutan itu, mangsa membuat laporan polis pada 17 Disember lalu selepas gagal menghubungi ejen pelaburan berkenaan.

**Polis terima laporan**

Sementara itu, Ketua Balai Polis Wangsa Maju, Deputi Superintendan A Asmadi Abdul

kumpulan mangsa pelaburan itu pada 6 Januari lalu.

PPIM juga menerima salinan laporan polis daripada mangsa.

"Sindiket menjanjikan keuntungan akan diperoleh setiap minggu bermula September lalu, namun sehingga laporan dibuat, janji cuma tinggal janji.

**55 mangsa terbabit**

"Seramai 55 mangsa terbabit dengan pelaburan sebanyak 38 kilogram emas bernilai RM5 juta," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati hati sebelum mem-

"Sindiket menjanjikan keuntungan akan diperoleh setiap minggu bermula September lalu, namun sehingga laporan dibuat, janji cuma tinggal janji. Seramai 55 mangsa terbabit dengan

# Pendedahan
# Penipuan Emas



Utusan Malaysia

24 DALAM NEGERI

## PPIM terima lebih 10 aduan *scam* sebulan

Oleh NORAZRIN MARZUKI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 SEPT.

PERSATUAN Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menerima antara 10 hingga 15 aduan setiap bulan daripada individu yang menjadi mangsa *scam* dan sindiket penipuan yang mengakibatkan kerugian masing-masing sehingga mencecah puluhan ribu ringgit.

Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, mangsa yang ditipu tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya memandangkan sindiket itu menggunakan taktik licik yang sukar dikesan ketika memperdaya mangsa.

"Antara aduan yang kami terima, mangsa mendapat panggilan kononnya daripada Bank Negara bahawa ada orang lain dikesan mengeluarkan wang daripada akaun dan mangsa perlu segera memindahkan baki wang tersebut ke satu lagi akaun lain untuk mengelakkan lebih banyak wang lesap.

"Mangsa yang sengaja ditakutkan oleh pihak yang menipu tiada pilihan selain terpaksa memasukkan sejumlah wang yang diminta memandangkan nombor yang tertera di skrin telefon ketika panggilan diterima adalah daripada Bank Negara dan tidak menimbulkan syak wasangka," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

NADZIM JOHAN

Melalui maklumat yang diterima katanya, sindiket menggunakan sistem perisian yang boleh memanipulasi mangsa dengan menggunakan nombor telefon mana-mana agensi kerajaan mahupun bank-bank terkemuka untuk mengelirukan mangsa seolah-olah panggilan itu benar-benar diterima daripada pihak yang sah untuk berbuat demikian.

"Disebabkan itulah kadang-kadang panggilan yang diterima tertera nombor agensi-agensi kerajaan ataupun bank kerana mereka menggunakan sistem perisian yang dipercayai mampu berfungsi memaparkan nombor telefon yang didaftarkan dari lokasi berbeza.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan lebih berhati-hati dan merujuk perkara tersebut kepada pihak tertentu sebelum sebarang transaksi kewangan dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Utusan Malaysia hari ini mengenai sikap orang ramai yang masih kurang kesedaran sehingga mudah diperdaya sindiket penipuan melalui panggilan telefon sejak kebelakangan ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, kegiatan yang dikesan mula aktif sejak empat tahun lalu menggunakan modus operandi dengan memperkenalkan diri sebagai ejen sebuah bank terkemuka sebelum meminta mangsa memberikan nama penuh dan nombor kad pengenalan untuk pengesahan.

Mangsa kemudiannya diminta membuat transaksi atau pemindahan wang ke akaun lain kononnya bertujuan menyelamatkan wang mangsa daripada dikeluarkan pihak tertentu.

PPIM telah menerima banyak aduan melibatkan scam pembelian emas. Scam yang kononnya boleh memberi keuntungan yang banyak telah menyebabkan ramai mangsa kerugian hingga jutaan ringgit. PPIM mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati supaya tidak terperangkap dengan sindiket scam ini.



HARIAN METRO
JUMAAT 7 FEBRUARI 2020

Harian Metro

P&P | 31

# PROJEK 'SAKIT' PEMBELI MERANA

Pemilik tanggung sengsara langsai pinjaman perumahan setiap bulan sedangkan rumah terbengkalai

Oleh Muhamaad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

**Rumahku** syurgaku. Demikian perumpamaan yang sering kita dengar untuk menggambarkan betapa gembiranya memiliki kediaman sendiri.

Sebaik selesai urusan menandatangani perjanjian membeli rumah, pasti pemilik sudah membayangkan rumah yang bakal diduduki itu.

Pelbagai perancangan dibuat termasuk susun atur dan proses ubah suai bagi mencantikkan rumah idaman.

Bagaimanapun, tidak semua mimpi indah menjadi kenyataan apabila rumah yang diharapkan itu terbengkalai.

Sudahlah rumah tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan, pemilik pula terpaksa menanggung sengsara melangsaikan pinjaman perumahan setiap bulan.

Pada masa sama, pemilik perlu membayar rumah sewa yang diduduki sementara menanti rumah sendiri siap sepenuhnya.

Pemaju pula memberi pelbagai alasan sebelum meninggalkan pemilik rumah terkontang-kanting sendirian menanggung derita.

Perlambangan rumahku

# Pembeli Ditipu Rumah Tidak Pernah Siap

BERITA HARIAN



# 200 pembeli rumah muflis

» 47 projek dibiayai perbankan Islam tak wujud

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kira-kira 200 pembeli rumah diisytiharkan muflis dipercayai ditipu oleh sebuah perbankan Islam selepas hampir 47 projek rumah dibiayai bank berkenaan tidak wujud dan terbengkalai.

Walaupun rumah dibeli mangsa tidak wujud, bank itu tetap membuat tuntutan bayaran balik dengan jumlah dua kali ganda daripada harga asal.

Mangsa yang ingin memiliki rumah sendiri terpaksa berdepan hutang melebihi RM400,000 walaupun pihak bank tahu rumah dijanjikan pemaju sebelum ini tidak pernah wujud.

"Mangsa yang tidak mampu membuat bayaran disenarai hitam oleh bank itu, sekali gus menyukarkan mereka membuat pinjaman daripada institusi kewangan lain.

ta, hasil analisis yang dilakukan PPIM, 40,000 pemilik rumah seluruh negara sudah menjadi mangsa penipuan syarikat perbankan Islam dan berharap mereka boleh mem-

tindak segera, mungkin mereka juga akan disenarai hitam oleh bank itu," katanya.

Amirudin Abd Wahab, 41, berkata dia yang membuat pinjaman rumah RM70,000

*Sheikh Abd Kareem (kiri) bersama pembeli rumah menunjukkan **laporan polis** yang dibuat di IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur, semalam.* [FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

PPIM mendedahkan ada pemaju tidak berlesen yang menipu pembeli rumah. Projek yang sepatutnya siap dalam masa 2 tahun iaitu pada tahun 2002, tetapi sehingga kini hanya ada beberapa tiang sahaja. Pembeli rumah projek berkenaan tidak sanggup lagi menanggung hutang yang banyak tetapi rumah yang mereka beli tidak pernah siap.

# Diugut bunuh selepas persoal projek terbengkalai

By **Nizam Zain** - 7 November 2018


















# Desakan Untuk Bank Tak Kenakan Caj Perkhidmatan




PPIM mendesak Bank Negara agar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh sebahagian bank dimansuhkan. Caj bank yang dikenakan amat membebankan pengguna yang menggunakan perkhidmatan bank. Alhamdulillah, pihak Bank Negara telah menunda caj perkhidmatan yang akan dikenakan oleh bank.



# Pembelaan Terhadap Mangsa Kecuaian Doktor!

PPIM telah mendapatkan pembelaan bagi seorang pesakit yang telah menderita kerana kecuaian doktor yang merawatnya. Lebih menyedihkan, pihak hospital tidak bekerjasama menjelaskan komplikasi tersebut. PPIM telah membuat laporan kepada pihak berkuasa bagi tindakan selanjutnya.




*Nadzim (kiri) dan Ahmad Yusof ketika melawat Noorul yang terlantar di kediamannya di PPR Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam.*

## PPIM siasat aspek kecuaian doktor punca lumpuh

Usus bekas pelatih IKBN Peretak bernanah selepas jalani angioplasti

dan selepas angioplasti.

"Dua doktor ini akan menyediakan laporan berkaitan untuk memudahkan PPIM mengambil tindakan susulan termasuk memanjangkan ke Kementerian Kesihatan. PPIM memandang serius kes kecuaian profesional dalam bidang kedoktoran kerana ia membabitkan nyawa selain boleh menyebabkan kecacatan kekal.

mencadangkan prosedur angioplasti bagi menyelamatkannya.

Bagaimanapun, selepas prosedur itu, beliau mengalami komplikasi kronik apabila ususnya bernanah hingga sekarang, malah kaki kanannya membengkak dan gagal digerakkan. Lebih memeritkan usahanya mendapatkan penjelasan daripada pihak hospital berhubung komplikasi ber-


EDISI SELANGOR & KL | SELASA | 19 JULAI 2016 | 14 SYAWAL 1437 | BIL: 3596 | RM1.20

TELUS & TULUS

Sinar harian

SINAR ONLINE NO.1 lagi!

Raja Farah aktif walau tengah sarat

Sertai dan Menangi RM100,000 RM10,000 x 10 Pemenang!

10 TAHUN SINAR HARIAN

13 HARI LAGI

6 Bahas pindaan RUU Oktober ini

SUBANG JAYA

Telinga cedera dihiris penyamun 37

4 Rahsia dalam tangan

TMJ dakwa miliki bukti rasuah babitkan FAM selama 30 tahun dalam pendrive

FOKUS Hari ini

PPIM minta DBKL kaji semula kenaikan kadar bayaran tempat letak kereta yang naik sehingga 150 peratus bermula Sabtu lalu kerana bebankan pengguna

CAJ PARKIR MELAMPAU

35 & 36

INFO

KADAR LAMA RM0.80 SEJAM RM2 JAM BERIKUTNYA

KADAR BAHARU RM2 SEJAM RM3 JAM BERIKUTNYA

"Dalam keadaan ekonomi yang lembap, pendapatan tidak meningkat ia akan membebankan golongan berpendapatan rendah." - Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan

Rahsia Kulit Muda & Berseri

# Gesaan Untuk Semakan Kembali Bayaran Parkir KL

PPIM telah meminta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengkaji semula caj parkir yang meningkat sebanyak 150 peratus. Dianggarkan sehari pengguna perlu membayar sebanyak RM32 dan ianya agak tinggi serta membebankan pengguna.


Selasa 19 Julai 2016 • Sinar Harian 35

FOKUS Hari ini — CAJ PARKIR MELAMPAU

Caj parkir KL naik 150 peratus

Kadar baharu itu mencetuskan pelbagai reaksi dari pengguna

Kenaikan caj sehingga 150 peratus dianggap membebankan pengguna.

PPIM minta DBKL kaji semula kenaikan kerana membebankan

"Kita faham langkah dibuat DBKL untuk mengurangkan kesesakan...ini satu langkah yang perlu, tapi dalam keadaan ekonomi yang lembap, pendapatan yang tidak meningkat ia sedikit sebanyak akan membebankan golongan berpendapatan rendah." - Nadzim

PAKEJ UMRAH MUSIM HAJI & TOUR BERKUMPULAN 2016




# Pembelaan Terhadap Mangsa Kes Penipuan Pelaburan

Kes penipuan pelaburan merupakan salah satu kes yang sering diterima PPIM dengan membabitkan kerugian lebih RM20 juta. Kes penipuan pelaburan ini antaranya melibatkan penipuan insurans, skim *multi-level marketing,* emas dan pelaburan hartanah. Bagi kes ini PPIM akan mengadakan pertemuan bersama mangsa, peguam dan pihak bank bagi mengetahui hal sebenar dan berbincang mengenai solusi terbaik.



Harian Metro SELASA 8 Jánuari 2013

■ Peniaga didesak rakan niaga minta bantuan PPIM

## 'Saya janji akan bayar'

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

"Saya rasa lega apabila Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mengaturkan pertemuan dengan rakan niaga untuk berbincang mengenai jalan penyelesaian. Jika tidak, saya pun tidak tahu bagaimana nak mencari wang bagi membayar semula wang mereka.

"Rasa beban yang saya tanggung berkurangan kerana saya faham, mereka juga perlukan duit untuk dijadikan modal pusingan, tetapi apa boleh buat, perniagaan saya juga merudum. Saya janji, saya akan bayar," kata Rizman, ahli perniagaan yang terpaksa meminta bantuan PPIM selepas didesak membayar wang pelaburan berjumlah RM600,000.

Dia yang buntu memikirkan jalan keluar kepada masalah itu berkata, segalanya bermula selepas dia diperkenalkan kepada dua rakan niaga baru oleh kakitangan pejabatnya April tahun lalu sebelum bersetuju untuk bekerjasama dalam perniagaan.

Menurutnya, ketika itu dia mendapat pelbagai projek untuk diusahakan dan memerlukan sejumlah dana bagi memastikan ia dapat dijalankan mengikut jadual.

"Apabila mereka bersetuju, saya tawarkan antara 10 hingga 15 peratus pulangan bagi setiap keuntungan yang diraih, namun tidak bertahan lama apabila perniagaan saya menghadapi masalah hujung tahun lalu," katanya ketika mengadakan pertemuan bersama Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan (*gambar*), semalam.

Turut hadir, dua rakan niaganya yang pada mulanya mahukan wang pelaburan mereka semula dan meminta Rizman segera membuat bayaran, namun kerana berdepan masalah kewangan dia tidak dapat berbuat demikian sebelum merujuk kesnya itu kepada PPIM.

Sementara itu, Nadzim berkata, PPIM memanggil kedua-dua pihak yang terbabit dalam kes itu untuk mencari penyelesaian terbaik tanpa sebarang tindakan tidak diingini berlaku berdasarkan pengalaman mengendalikan ratusan kes terdahulu.



# Operasi Banteras Aktiviti Haram (OPS BAH)



PPIM menjadi antara agensi utama dalam menyokong usaha membanteras kegiatan haram seperti perjudian, pelacuran, pusat arak, dadah dan kongsi gelap. PPIM telah bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi membolehkan kegiatan haram ini dibanteras.



UTUSAN MALAYSIA 8/5/16 m/s 25

Utusan Malaysia — Penyebar Fikiran Rakyat

Op BAH siri 23 kesan pusat snuker terlibat aktiviti tidak bermoral

# Tawar judi dalam talian

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 MEI

SIKAP tamak dan tidak serik pengendali pusat snuker mengundang padah apabila 60 set mesin judi yang dianggarkan bernilai RM300,000 disita di dua lokasi berasingan dalam Operasi Banteras Aktiviti Haram (Op BAH) di sekitar Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md. Ikhsan berkata, operasi bermula pukul 12 tengah malam hingga 5 pagi itu menumpukan pusat snuker dan pusat hiburan yang disyaki menyediakan aktiviti tidak bermoral iaitu perjudian dan menyediakan perkhidmatan pelayan pelanggan (GRO) beragama Islam.

"Pengendali berselindung di sebalik premis permainan snuker sebaliknya menjalankan kegiatan perjudian dalam talian kepada pelanggan," katanya ketika ditemui selepas mengetuai Op BAH siri 23 di sekitar ibu negara di sini.

Yang hadir sama, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan.

Dalam perkembangan sama, seramai 47 individu termasuk 15 GRO ditahan dalam operasi itu.

"Rata-rata kelab hiburan di sini didapati menggaji pekerja beragama Islam termasuk wanita untuk peranan GRO yang merupakan kesalahan jenayah syariah.

"Turut ditahan adalah pekerja dan pelanggan beragama Islam yang didapati mengambil minuman keras semasa bekerja dan berhibur di dalam premis tersebut," katanya.

Menurutnya, kesemua individu yang ditahan itu akan diambil tindakan di bawah bidang kuasa agensi masing-masing seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Operasi dijalankan secara bersepadu melibatkan 285 anggota daripada 23 agensi serta 10 badan bukan kerajaan (NGO) termasuk penguat kuasa DBKL, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan AADK.

> Premis ini berselindung di sebalik aktiviti permainan snuker tetapi sebaliknya menyediakan kegiatan perjudian kepada pelanggan."
>
> **ADNAN MD. IKHSAN**
> Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

GADIS pelayan pelanggan (GRO) beragama Islam yang ditahan dalam Operasi Banteras Aktiviti Haram (Op BAH) siri 23 di sebuah pusat hiburan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

LANGGAR SYARAT... Pusat snuker yang menyediakan aktiviti judi dalam talian kepada pelanggan. -UTUSAN/FARIZ RUSADIO

ADNAN Md. Ikhsan (empat dari kiri) melihat peralatan mesin judi yang disita dalam Op BAH di Kuala Lumpur, baru-baru ini.















# PPIM Ikuti Serbuan Di Zouk Banteras Aktiviti Haram

Pihak DBKL dengan kerjasama PPIM dan beberapa agensi lain telah membuat serbuan ke Zouk, antara kelab malam terbesar di Kuala Lumpur. Hasil serbuan mendapati nombor pendaftaran SSM tidak sama seperti resit yang dikeluarkan dan jumlah pendapatan diperoleh mencecah RM13 juta dan masih dalam siasatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).



# Operasi BAH: Cecah RM1.3 juta

Utusan Malaysia — Penyebar Fikiran Rakyat

**KUALA LUMPUR 27 Jun** - Sebanyak 184 buah premis haram yang menawarkan perjudian diserbu penguat kuasa dalam Operasi Banteras Aktiviti Haram sepanjang tahun ini melibatkan nilai rampasan kira-kira RM1.3 juta.

Ketua Penyelaras Banteras Aktiviti Haram, Azman Mahmood berkata, kebanyakan premis berselindung di sebalik perniagaan lain seperti pusat snuker, pusat kecantikan dan kedai makan.

Menurutnya, tindakan itu bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa daripada mengesan kegiatan haram mereka.

"Dalam operasi kali ini, se-



ANGGOTA penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengangkat mesin judi keluar dari sebuah premis dalam Operasi Banteras Aktiviti Haram di Jalan Mengkudu, Ampang, baru-baru ini.

## PPIM Telah Menyertai

# 44 Operasi

## Daripada 50 OPS BAH















# Pendedahan Kes Judi Yang Berleluasa




Dianggotai agensi, jabatan kerajaan daripada terus berleluasa

## Pasukan khas tangani mesin judi

Oleh AHMAD ŞHAZWAN MD. YUSOF
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 OKT.

KERAJAAN digesa menubuhkan satu pasukan khas menangani kegiatan mesin judi haram yang dianggotai oleh beberapa agensi dan jabatan kerajaan jika mahu memerangi kegiatan tersebut daripada terus berleluasa.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan (gambar)** berkata, pasukan khas tersebut mestilah daripada kalangan pasukan penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan lain-lain.

"PPIM mencadangkan supaya pemantauan secara bersepadu dilakukan pasukan khas yang diketuai oleh LHDN. Penglibatan agensi tersebut akan menakutkan aktiviti haram yang sering mengelak daripada membayar cukai dan sebagainya.

"Tindakan seperti menyita premis dan mengenakan cukai yang tinggi akan dapat mematikan pergerakan mereka. Penglibatan lembaga percukaian bagi membanteras aktiviti seperti ini telah pun digunapakai di negara maju seperti Amerika Syarikat dan ternyata berkesan," katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai sindiket perjudian yang tidak gentar dengan serbuan pihak berkuasa dalam usaha membanteras aktiviti tersebut.

Sindiket tidak takut biarpun serbuan dilakukan

### Polis, PBT hilang kawalan?

KERATAN *Utusan Malaysia* bertarikh 25 Oktober 2014.

Nadzim turut menggesa masyarakat supaya menjadi 'mata dan telinga' penguat kuasa dengan melaporkan segala aktiviti perjudian haram di kawasan mereka kepada pihak berwajib.

"Penglibatan masyarakat amat diperlukan kerana pihak berkuasa tempatan tidak mampu menangani isu ini secara bersendirian," katanya.

Sementara itu, Penaung Kuasa Ke-3, **Datuk Zaaba Aman** berpendapat bahawa kementerian, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak cukup serius dalam usaha membanteras kegiatan tersebut dari akar umbi.

"Pemantau secara berterusan perlu dilakukan pihak berwajib. Sikap sekadar melepaskan batuk di tangga telah menyebabkan sindiket lebih berani melakukan aktiviti tersebut tanpa memikirkan risiko yang bakal diterima.

"Selain itu, setiap agensi terlibat perlu melantik seorang pemberi maklumat yang boleh dipercayai dari kelompok masyarakat tempatan. Segala maklumat yang diberikan akan dapat memudahkan kerja-kerja pihak penguat kuasa untuk melakukan pemantauan," katanya.

PPIM mencadangkan supaya pemantauan secara bersepadu dilakukan pasukan khas yang diketuai oleh LHDN. Penglibatan agensi tersebut akan menakutkan aktiviti haram yang sering mengelak daripada membayar cukai dan sebagainya.

NADZIM JOHAN
Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia

PPIM telah menubuhkan pasukan khas untuk membanteras isu judi ekoran terdapat banyak aduan yang diterima oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia berkaitan tawaran perjudian secara atas talian, mesin dan juga premis judi. Usaha ini diharapkan boleh mengatasi kes judi yang berlaku.




# PPIM Gesa Boikot Produk Berkaitan Israel




Sebagai tindak balas kepada serangan zionis di Palestin, PPIM telah melancarkan boikot terhadap produk berkaitan Israel. Gerakan boikot ini bagi menekan negara Israel yang telah terlalu lama menjajah tanah suci Palestin.



# Kempen Boikot Produk & Perkhidmatan Perancis




Berikutan insiden kekerasan terhadap umat Islam yang sedang berlaku di beberapa buah bandar di Perancis, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menyeru agar satu gerakan memboikot produk dan perkhidmatan jenama Perancis dicetuskan. Ini sebagai tanda solidariti terhadap mangsa keganasan yang tidak dibela di Perancis.




# Gerakan Kempen
# Memboikot Cola-Cola




PPIM amat mengambil berat terhadap nasib umat Islam di Palestin. Antara usaha PPIM lakukan adalah mengajak umat Islam memboikot Coca-Cola yang didakwa menyumbang dana kepada kerajaan zionis Israel yang akhirnya hanya akan menindas umat Islam di Palestin.




# PPIM Hantar Misi Bantuan Kepada Mangsa Banjir



32 | Komuniti Kita! | Kosmo! JUMAAT 26 FEBRUARI 2021

## PPIM, NGO turun padang santuni mangsa banjir di Pantai Timur

**PRIHATIN.** Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dengan kerjasama beberapa organisasi serta badan bukan kerajaan (NGO) berganding bahu menjayakan Program Misi Bantuan Kemanusiaan Pasca Banjir Pantai Timur baru-baru ini.

Pengerusinya, Datuk Nadzim Johan berkata, PPIM bersama beberapa organisasi, penaja dan penyumbang turut turun padang untuk menghantar sendiri sumbangan kepada penduduk yang memerlukan.

Katanya, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada penyelaras mangsa banjir, mereka sangat memerlukan bantuan pada kadar segera, terutamanya golongan asnaf selain petugas barisan hadapan.

Antara sumbangan yang disalurkan termasuklah barangan asas dapur, kasut sekolah, naskah al-Quran, dapur gas, periuk nasi elektrik dan sabun serba guna.

PETUGAS Program Misi Bantuan Kemanusiaan Pasca Banjir Pantai Timur menyampaikan sumbangan kepada wakil petugas barisan hadapan di Pasir Puteh, Kelantan baru-baru ini.




Sehingga tahun 2021, PPIM telah berjaya menjalankan lebih 60 program bantuan mangsa banjir di negeri-negeri yang terjejas akibat banjir. Bantuan bernilai ratusan ribu ringgit telah berjaya diedarkan hasil kerjasama dengan banyak pihak bagi memudahkan urusan pengagihan bantuan kepada mangsa yang terlibat.


1
MISI BANTUAN PASCA BANJIR 2021 PAHANG DARUL MAKMUR
PATRIOT
sumbangan
ALFO
SELANGOR FM


2
MISI BANTUAN PASCA BANJIR
ELBA
MISI BANTUAN PASCA BANJIR


3
ELBA
MISI BANTUAN PASCA BANJIR
CECAIR PENCUCI PAKAIAN
SBG


4
RINTIS 2021
RINTIS


5
PPIM
sumbangan
TERIMA KASIH PENYUMBANG
iNFAQ Rezeki
PPIM
sumbangan


6
MISI BANTUAN BANJIR SELANGOR


7
PPIM
BGR 9187


8
iNFAQ Rezeki
PPIM




# Pembelaan & Sumbangan Kepada Mangsa Pemandu Mabuk



PPIM telah membantu dan membela sebuah keluarga yang menjadi mangsa kepada pemandu mabuk. Ekoran kejadian ini, PPIM telah mendesak kerajaan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pemandu mabuk yang mengakibatkan kemalangan. PPIM juga mengajak agensi yang berkaitan untuk membantu mangsa kemalangan angkara pemandu mabuk.



# Bantuan Sanitasi Masjid

PPIM telah melancarkan sebuah tabung dana infaq bagi servis pembasmian dan sanitasi untuk membantu lebih 300 buah masjid dan surau ini beroperasi selepas PKP. Tujuan sanitasi adalah untuk mengelakkan kluster baru Covid-19 serta memelihara kebersihan masjid supaya terpelihara daripada virus Covid-19.





# PPIM Bantu Bina Masjid Di Kemboja





Keadaan masjid yang lama

PPIM telah melancarkan dana untuk membina sebuah masjid di Kg. Rumdeng, Kemboja. Kampung ini tidak mempunyai masjid untuk kegiatan ibadah bagi penduduk Islam setempat. Hasil kutipan di sumbangan.com, dana yang cukup berjaya dikutip dan kini masjid tersebut sedang dalam pembinaan.




# PPIM Lancar Aplikasi Sokong Peniaga Pembayar Zakat (SPPZ)

GRAKChat

Aplikasi GrakChat yang dibangunkan oleh SPPZ



PPIM telah memperkenalkan aplikasi Sokong Peniaga Pembayar Zakat (SPPZ) bertujuan menghimpunkan maklumat berkaitan peniaga Islam yang juga pembayar zakat di seluruh dunia dan Malaysia khasnya dalam apa saja bidang di bawah satu platform. Hasil usaha PPIM sebelum ini, penerima zakat kini telah menjadi peniaga pembayar zakat.




# Terima Anugerah
# Rakan Strategik OPS BAH

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menerima Anugerah Rakan Strategik OPS BAH Terbaik pada Majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan 2017 (28/2/2018) selepas penglibatan 44 siri sejak April 2014 bagi membanteras kes judi haram, pelacuran, pendatang haram, penyalahgunaan dadah dan lain-lain kesalahan.



Harian Metro

*LEE menerima Anugerah NGO-Kemudahan Awam Terbaik di majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan 2017.*

**Kuala Lumpur**

## Rezeki tiga tahun pertubuhan

Persatuan Sahabat Taman Rekreasi Pudu Ulu dinobatkan pemenang Anugerah Badan Bukan Kerajaan (NGO) - Kemudahan Awam Terbaik pada majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan 2017 di Putrajaya.

Pengerusi Persatuan Sahabat Taman Rekreasi Pudu Ulu Tan Sri Lee Lam Thye berkata, beliau tidak ahli ini ditubuhkan bagi membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memantau taman rekreasi berkenaan.

"Kami turut bergerak aktif mengadakan pelbagai aktiviti selain memberikan pendapat kepada DBKL untuk meningkatkan lagi kemudahan awam di sana," katanya dalam satu



# Anugerah Tokoh Pengguna Negara & Aktivis Masyarakat



**DATO' DR MA'AMOR BIN OSMAN**
Setiausaha Agung (SUA)PPIM, Dato' Dr Ma'amor Bin Osman telah menerima Tokoh Pengguna Negara. Manakala pada tahun 2008, beliau telah menerima anugerah Tokoh Aktivis Masyarakat Ma'al Hijrah Selangor.




# Toqqi Terima Anugerah Malaysian Prestigious Industry Award 2019



Ketua aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Dato Nadzim Johan@toqqi telah menerima anugerah 'Prestigious Leadership in Humanitarian'. Pencapaian ini adalah hasil penglibatan Dato' Nadzim Johan@toqqi dalam aktiviti menentang penindasan dalam kalangan rakyat Malaysia.




# Pelantikan Panel Perundingan & Pencegahan Rasuah

Seramai 24 ahli badan bebas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerima surat cara dan pelantikan. Ketua aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Dato' Nadzim Johan@toqqi telah dilantik sebagai Panel Perundingan & Pencegahan Rasuah. Surat cara dan pelantikan dalam badan bebas bagi memantau pelaksanaan fungsi dan operasi SPRM itu disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki di Ibu Pejabat SPRM





# Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

Ketua aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Dato' Nadzim Johan@toqqi telah dilantik sebagai Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, (APM). PPIM telah banyak menjalinkan kerjasama dengan APM dalam melakukan kerja-kerja kebajikan seperti menolong mangsa-mangsa banjir dan mengagihkan kotak Infaq Rezeki kepada golongan memerlukan.



# Misi Bantuan
# Ke Pulau Perhentian

PPIM bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), PEISO Motor Garage dan D'Lagoon Chalet telah bersama-sama memberi bantuan kepada pekerja dan penduduk di Pulau Perhentian yang terjejas akibat pandemik



























# Misi Bantuan
# Banjir di Pelbagai Negeri

PPIM telah bergiat aktif untuk membantu mangsa-mangsa banjir yang berlaku di beberapa buah negeri di Malaysia. PPIM juga turut bekerjasama dengan beberapa badan NGO yang lain untuk menghulurkan sumbangan yang diperlukan oleh mangsa banjir.



























# Memorandum Membantah Pindaan Akta 342

PPIM telah menyerahkan "Notice of Liability Akta 342" kepada ahli-ahli parlimen sebagai memorandum untuk membantah pindaan Akta 342 yang dilihat hanya akan menindas dan menzalimi rakyat yang telah terjejas akibat pandemik. PPIM menggesa agar pindaan Akta 342 harus ditegah.





















# Hua Zhong & PPIM
# Bantah Pindaan Akta 342

PPIM telah menjalinkan kerjasama dengan Petubuhan Hua Zhong untuk membantah pindaan Akta 342 yang juga turut disertai dan dihari oleh pelbagai NGO yang lain. Pindaan pada Akta 342 dilihat melanggar hak asasi manusia serta menzalimi rakyat dengan denda yang keterlaluan.

1



2


3


4



5


# Majlis Makan Malam PERSEDIM & Semerah Padi

Ketua aktivis PPIM, toqqi @ Nadzim Johan sempat menghadiri Majlis Makan Malam & Penghargaan PERSEDIM & Semerah Padi Resources

1



2




3



4



# PPIM Gesa Luluskan Pengeluaran Wang KWSP

PPIM telah menyerahkan memorandum 'Tuntutan Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) RM10,000 Secara Sekali Bayar' kepada Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob Melalui Ahli Parlimen Pekan, Dato' Sri Najib Abdul Razak bersama beberapa NGO yang lain.


















# Ikuti Akaun
# Sosial Media PPIM

@ppim.oficial

TV.PPIM

ppim.oficial

Sahabat Perjuangan PPIM

@ppim.oficial


Pemangkin Fikiran Rakyat
UTUSAN MALAYSIA
www.utusan.com.my
AKHBAR INI TIDAK DIKENAKAN GST
GST LANCAR
KPDNKK terima 419 aduan, pertany pada hari pertama
PM TINJAU HARGA
Cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang bermula semalam, lancar.
90 peratus premis mematuhi
Linda Onn bersalah fitnah
Air mata ketua kongsi gelap
3.83 JUTA PEMBACA SETIAP HARI
Harian Metro
Sabtu, 22 Ogos 2015
Gempar gunting terpacak
PATRIOTISME
Kawal pemi
Tingkatkan Ketinggian Anak Anda.
PISTOL SELUDUP RM50
HARGA PROMOSI RM 1.50
Mi Max IS THE NEW BIG
yes
Metro
BROKER SAMBUNG SEKSA
SAFIEY
200 pemilik kereta tanggung hutang
ISNIN | 23 JANUARI 2017
EDISI SELANGOR & KL
TELUS & TULUS
Sinar harian
Aida Aris bertahan demi peminat
PPIM terima 10,000 kes ah long
UTUSAN KOTA
'Lubuk' judi di Shamelin Perkasa
Sinar harian
#Kitakanislam
JURURAWAT DILARANG TUTUP AURAT?
Kekal hukuman mati
Pelan Pinang haram vape
SELANGOR & KL
SELASA | 19 JULAI 2016
Sinar harian
SINAR ONLINE NO.1
Raja Farah aktif walau tengah sarat
Sertai dan Menang! RM100,000
10 TAHUN SINAR HARIAN
13 HARI LAGI
FOKUS Hari ini
PPIM minta DBKL kaji semula kenaikan kadar bayaran tempat letak kereta yang naik sehingga 150 peratus bermula Sabtu lalu kerana bebankan pengguna
CAJ PARKIR MELAMPAU
KADAR LAMA RM0.80 SEJAM
KADAR BAHARU RM2 SEJAM
Cetusan Hati Nurani Rakyat
MINGGUAN MALAYSIA
www.utusan.com.my
Turut sampaikan anugerah 'Datuk Seri', 'Datuk'
'MAHARAJA' PULA MUNCUL
EKSKLUSIF
Shahrom catat sejarah tawan Kutub Selatan »4
AKHBAR NOMBOR 1
Kerjasama Pas-UMNO tidak salah – Hadi
Al-Qaeda serang hotel di Burkina Faso, 23 maut »18
Sekatan ke atas Iran ditarik »18
Bayi maut, kereta dilanggar lori »16
Dayana Roza: Lupakan kisah duka
Saat kritikal, Nora pilih peguam »4
Sindiket 'kebal' pengguna teraniaya »7
Ustaz Kazim menjawab »37
Baki gaji kurang, perlukah bayar zakat?
Sumbangan kepada bukan Islam
Hukum ambil gambar bogel
AKHBAR POPULAR BERJIWA MALAYSIA
Kosmo!
JUMAAT 29 JULAI 2016
Khairul mahu sapu tiga pingat emas
Mangsa mati ditembak sah ah long
BH AHAD
WARTAWAN IMBAU PERTEMUAN BERSAMA HARON DIN
BH BONGKAR
Ramai pelajar IPT masuk jerat
Sinar harian
#Kitakanislam
'Cara kami berbeza'
Pelajar putus kaki digilis lori
JANGAN NAFI RAKYAT SUSAH
WACANA Sinar 37
Pemangkin Fikiran Rakyat
UTUSAN MALAYSIA
4 LEMAS 3 HILANG
Kerajaan akan bentang sendiri RUU 355
Terjerat hingga 65 ah long
Metro
HARGA PROMOSI RM 1.50
GORES & HUTANG
3 HARI LAGI. ANDA MUNGKIN MENJADI JUTAWAN!
PAK KASSIM TEMPE 10 SEN
3.81 JUTA PEMBACA SETIAP HARI
Harian Metro
Sengsara tangan tersepit
'Barangan khurafat dalam rumah'
Sindiket perdaya bakal haji RM40,000
KUPON IBLIS




## Ini adalah antara secebis kejayaan dalam tempoh

# 25 tahun

## perjuangan PPIM dalam membela hak pengguna

# 35 ISU-ISU BESAR PENGGUNA
## YANG DISUARAKAN OLEH PPIM

| | | |
|---|---|---|
| 1 | **Judi Haram** | Masalah penyakit ketagihan judi menjadi punca jenayah lain dan kemusnahan rumah tanggaMasalah penyakit ketagihan judi menjadi punca jenayah lain dan kemusnahan rumah tangga |
| 2 | **Ahlong,** pinjaman 'berlesen' tapi tidak berlesen | Menekan dengan menggunakan ugutan dan kekasaran bagi menakutkan peminjam yang jahil |
| 3 | **Gores dan Menang** yang sehingga ini masih menipu secara terangan seolah-olah mendapat perlindungan daripada pihak tertentu | Sudah lebih 30 tahun masalah ini berterus setiap hari hingga ke hari ini. Penjenayah menggunakan kelopongan dalam undang2 utk memeras mangsa. Setiap hari mereka ini bergerak dalam beberapa kumpulan yang mempunyai 50 orang 1 team. |
| 4 | **CTOS** yang kini menjadi hakim sebelum dihakimi, kesukaran pinjaman | Azio (alarm system), yang memanupulasikan CTOS utk menekan pengguna |
| 5 | **Insolvensi** | Banyak kes penipuan, kehilangan kad pengenalan dan lain-lain |
| 6 | **Urus tadbir**-Perkhidmatan kerajaan/swasta dan kerenah birokrasi terutama dalam urusan pinjaman | Kelemahan urus tadbir meningkatkan kos kehidupan dan pengurusan (Bank Rakyat/BSN/SME/Petronas) |
| 7 | **Makanan,** restoran,Halal dan Haram | Air Asia / Kedai-kedai yang ketiadaan tanda halal dan tanda haram yang menyebabkan ramai rakyat dan pelancong tertipu |
| 8 | **Ancaman tonto** | Menghindar dan menyekat operasi (JPJ, KDNKK, Kastam dan orang ramai) |
| 9 | **Ancaman dadah,** pil kuda yang berluasa | Kegiatan terancang mencari penagih/mangsa baru |
| 10 | **Perumahan terbengkalai** | MBSB, BNM, Bank |
| 11 | **Kelab malam** | Berleluasa di kawasan perumahan |
| 12 | **Masalah telekomunikasi -** caj, kualiti (tak jelas, drop calls, servis produk) | MCMC, CFM, Telco, Astro |

# 35 ISU-ISU BESAR PENGGUNA
## YANG DISUARAKAN OLEH PPIM

| | | |
|---|---|---|
| 13 | **Secondhand car dealer -** penipuan | Berbagai jenis penipuan termasuk insuran, harga dan kereta rosak dan tiada pindah milik |
| 14 | **Agama -**Tekanan yang dikenakan kepada pekerja Islam | Kepada pekerja Islam Foto Zzoom, ISetan, |
| 15 | **Harga barang** sesuka hati pengusaha | Terutama sejak harga minyak naik, mereka mengambil kesempatan |
| 16 | **Harga perkhidmatan bengkel** – sukasuka tekan harga terutama kereta-kereta yang di bawah jaminan | Contoh kes Peugeot. Ditawarkan harga murah tapi setelah masuk bengkel harga naik beribu ringgit |
| 17 | **Pengangkutan awam** | Tidak mencukupi di masa tertentu dan penipuan tambang |
| 18 | **Sindiket internet** | Banyak menggunakan taktik untuk menipu dan menawan hati mangsa dengan berbagai tawaran dan 'cerita sedap' |
| 19 | **Black Money** | Anggota sindiket merosakkan ramai masyarakat Melayu dan juga menjadi berbagai punca masalah masyarakat |
| 20 | **Pendatang haram** | Penipuan kumpulan tertentu yang menipu pendatang yang daif |
| 21 | **Rasuah** | Berbagai jenis rasuah terutama yang melibat urusan mempercepatkan urusan |
| 22 | **Penghantaran amaran** yang tidak beretika | Courts Mammoth |
| 23 | **Papan Tanda** | Bahasa Cina dan lain-lain yang tidak mematuhi undang-undang |
| 24 | **Perkhidmatan Penerbangan** | Air Asia antara yang mencetuskan berbagai kemarahan kerana meletakkan berbagai caj terlindung |
| 25 | **Fitness Company** | Fitness First, London Weight Management. Menggunakan berbagai kaedah perjanjian mengelirukan pelanggan dan menggunakan CTOS untuk menuntut bayaran |

# 35 ISU-ISU BESAR PENGGUNA
## YANG DISUARAKAN OLEH PPIM

| No. | Isu | Keterangan |
|---|---|---|
| 26 | **Perkhidmatan tidak Jelas** dan terma mengelirukan | Linguaphone, Vacation Club, Gintell, Linguaphone juga menggunakan CTOS menuntut bayaran berlebihan |
| 27 | **Tuntutan insurans yang sukar** | Berbagai alasan untuk meninggikan premium dan juga mengelakan bayaran tuntutan |
| 28 | **Tiada mempunyai aduan/rujukan** bila mempunyai masalah | Isetan |
| 29 | **Diskriminasi dan penghinaan agama dan bangsa** ( tidak boleh sembahyang/tidak boleh pakai tudung ) | Majikan yang tiada perikemanusiaan |
| 30 | **Nilai kemanusiaan menipis** | Air Asia |
| 31 | **Kemalangan yang tinggi** | Sesuatu perkara yang masih tidak dapat diatasi yang meragutkan begitu ramai rakyat |
| 32 | **Kehilangan beg** | KLIA |
| 33 | **Skim multi level/cepat kaya/piramid** | Penipuan terancang |
| 34 | **Fine print** | Penipuan menggunakan perkataan kecil yang tidak mungkin dibaca digunakan untuk menolak sebarang tuntutan pengguna |
| 35 | **Tepung dan racun** | Bahaya bahan dalam makanan harian pengguna yang mengundang pelbagai penyakit |

## Full Page




# Iklankan Produk / Servis Anda Bersama Kami

kami memberi peluang kepada peniaga dan usahawan yang berminat untuk meletakkan iklan dalam ebook ini yang bakal diedarkan kepada lebih ramai pihak dan sekali gus turut mempromosikan produk atau servis anda.

**Untuk keterangan lanjut boleh merujuk terus kepada;**

**019-6655544 (Cikgu Izham Nayan)**

## half Page




## Quater Page




# Jadilah Rakan Kongsi Kami

Logo rakan kongsi PPIM akan diletakkan pada muka hadapan dan belakang ebook ini

**019-6655544 (Cikgu Izham Nayan)**


PPIM
PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA
www.ppim.org.my
PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA
PROJEK "ZERO HUNGER" SIRI 2
RM1,000,000.00
TERIMA KASIH PENYUMBANG
PERTUBUHAN AMAL SANTUNI KASIH
KUALA LUMPUR & SELANGOR
COURTS
FELDA